



**KETUA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA**  
**Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Aras 13, Blok F5, Kompleks F, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : 603-8091 0000  
Laman Web : [www.planmalaysia.gov.my](http://www.planmalaysia.gov.my)  
E-mel : [alias@planmalaysia.gov.my](mailto:alias@planmalaysia.gov.my)

Ruj. Kami : JPBD.IP 185/656/23 (16)

Tarikh : **24** Mei 2024

**Pekeliling Setiausaha**  
**Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN)**  
**Bilangan 1 Tahun 2024**

**PEMAKAIAN PELAN INDUK PERANCANGAN GUNA TANAH**  
**KAWASAN SUMBER MAKANAN NEGARA**  
**(KAGUMN)**

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua jabatan dan agensi peringkat Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan PLANMalaysia Negeri di Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Kelantan, Terengganu, Johor, dan Wilayah Persekutuan Labuan serta semua agensi teknikal peringkat negeri dan pemegang taruh (*stakeholders*) berkaitan, bagi menerima pakai **Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN)** sebagai panduan dan rujukan dalam menyelaraskan penyediaan pelan pembangunan dan perancangan guna tanah bagi kawasan sumber makanan negara yang terdiri daripada tanaman makanan, aktiviti penternakan dan perikanan.

Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning : Beyond Conventional*



## LATAR BELAKANG

2. Pelan induk ini disediakan untuk perancangan guna tanah bagi pengekalan, pemeliharaan, pemuliharaan dan peningkatan kawasan sumber makanan negara untuk mencapai Kadar Sara Diri (SSR) dan menjamin sekuriti makanan negara menjelang tahun 2040 selaras dengan sasaran Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4).

## PENERIMAPAKAIAN PELAN INDUK PERANCANGAN GUNA TANAH KAWASAN SUMBER MAKANAN NEGARA (KAGUMN)

3. Pelan induk ini telah diluluskan di **Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-44 Bilangan 1 Tahun 2024 pada 25 April 2024** di mana Majlis telah bersetuju bahawa pemakaiannya adalah sebagai dokumen rujukan kepada pihak-pihak berkepentingan, khususnya Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan.

4. Matlamat KAGUMN ialah **Pengekalan, Pemeliharaan, Pemuliharaan dan Peningkatan Kawasan Sumber Makanan Negara Untuk Mencapai Kadar Sara Diri (SSR) dan Menjamin Sekuriti Makanan Negara Menjelang Tahun 2040**. Pelaksanaan KAGUMN melibatkan empat (4) fasa iaitu Fasa 1 (Tahun 2021-2025), Fasa 2 (Tahun 2026-2030), Fasa 3 (Tahun 2031-2035) dan Fasa 4 (Tahun 2036-2040) yang akan menyokong dan menjadi pemangkin pembangunan untuk mencapai matlamat yang telah digariskan. Bagi merealisasikan Matlamat tersebut, disenaraikan **lima (5) Objektif** Pelan Induk iaitu;

- i. Menyediakan pelan induk perancangan guna tanah kawasan pengeluaran makanan dengan menggariskan strategi ke arah mengekalkan pengeluaran makanan;
- ii. Merancang dan memulihara kawasan-kawasan tanah pertanian terbiar dan baharu untuk meningkatkan produktiviti pertanian dan usaha untuk mencapai Kadar Sara Diri (SSR) bagi menjamin sumber makanan negara pada masa hadapan;
- iii. Memperkukuhkan aktiviti pertanian dengan menerapkan penggunaan teknologi dan kaedah baharu bagi meningkatkan

pengeluaran makanan dengan penggunaan tanah yang optimum;

- iv. Menggariskan cadangan untuk meminimalkan impak risiko geobencana bagi mewujudkan kawasan pengeluaran makanan berdaya tahan dan mampan; dan
- v. Menilai dan mencadangkan amalan tadbir urus yang baik melalui pelan tindakan pengurusan, mekanisme pelaksanaan dan pendekatan terkini untuk memajukan kawasan pertanian pengeluaran sumber makanan.

5. Pelan induk ini disokong oleh cadangan tindakan mengikut teras, strategi dan inisiatif pelaksanaan. Terdapat **empat (4) teras, 20 strategi, 48 tindakan, dan 102 inisiatif**. Keberhasilan untuk empat (4) teras adalah seperti berikut:

**i. TERAS 1: Kelestarian dan Daya Tahan Sumberjaya**

- a) Sasaran 10% daripada keluasan Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai kawasan sumber makanan negara.
- b) Pengekalan, pemeliharaan dan pemuliharaan guna tanah pengeluaran makanan sedia ada.
- c) Peningkatan kawasan baharu guna tanah pengeluaran makanan.
- d) Pencegahan penukaran guna tanah pengeluaran makanan.
- e) Kawasan guna tanah pengeluaran makanan yang berdaya tahan bencana dan adaptasi perubahan iklim.
- f) Kawasan guna tanah pengeluaran makanan yang mesra alam.

**ii. TERAS 2: Adaptasi Amalan Pertanian Yang Baik, Inovatif dan Produktif**

- a) Peningkatan produktiviti melalui penggunaan tanah yang optimum dan teknologi pintar.
- b) Pengeluaran makanan yang mesra alam.
- c) Peningkatan pendapatan petani yang berterusan melalui

latihan dan Pemodenan.

iii. **TERAS 3: Ketersediaan Infrastruktur yang Efektif dan Bersepadu**

- a) Ketersediaan sistem pengairan yang efisien.
- b) Kemudahan dan penembusan internet yang menyeluruh dan berkapasiti tinggi.
- c) Infrastruktur pertanian yang disokong oleh perkhidmatan utiliti yang berkesan.
- d) Kawasan pengeluaran makanan yang disokong oleh sistem perhubungan yang baik.

iv. **TERAS 4: Pemerkasaan Tadbir Urus Kukuh, Dinamik dan Efektif**

- a) Pengukuhan mekanisme pengekalan, pemeliharaan dan pemuliharaan guna tanah pengeluaran makanan negara.
- b) Pemantapan pengurusan guna tanah pengeluaran makanan sebagai agenda sekuriti makanan negara.
- c) Pemerkasaan modal insan dan sistem penyampaian agensi.
- d) Pengwujudan bank data guna tanah pengeluaran makanan negara.

6. Bagi memastikan pelaksanaan dan pencapaian KAGUMN, terdapat tujuh (7) langkah yang perlu diambil oleh pihak-pihak yang berkepentingan iaitu :

- i. Pengekalan dan pengezonan 10 Jelapang Padi dan kawasan luar Jelapang Padi;
- ii. Pengekalan dan pemertanian tapak-tapak Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Padang Ragut, Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan kawasan pengeluaran makanan sedia ada;
- iii. Penyediaan dan pembangunan kawasan pengeluaran baharu termasuk kebun bandar (*urban farming*);
- iv. Mengarusperdanakan strategi Pengurangan dan Pengurusan

- Risiko Bencana (DRRM) bagi menangani impak perubahan iklim;
- v. Mempergiatkan penggunaan teknologi moden melalui amalan pertanian persekitaran terkawal (CEA), pertanian pintar, *vertical farming* dan kilang tanaman (*plant factory*);
  - vi. Mewujudkan Bank Data Tanah Pengeluaran Makanan Negara; dan
  - vii. Mempertimbangkan penyediaan insentif fiskal oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri yang mengekalkan kawasan pengeluaran makanan utama khususnya kawasan padi – formulanya adalah berdasarkan nilai perkhidmatan ekosistem.

## PEMATUHAN DAN PEMAKAIAN

7. Semua jabatan dan agensi peringkat Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan PLANMalaysia Negeri di Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Kelantan, Terengganu, Johor, dan Wilayah Persekutuan Labuan serta semua agensi teknikal peringkat negeri dan pemegang taruh (*stakeholders*) berkaitan bertanggungjawab memastikan **Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN)** diterima pakai sebagai panduan dan rujukan. Penerimapakaian dokumen ini adalah penting bagi menterjemah teras, strategi dan langkah-langkah yang digariskan dalam usaha pengekalan, pemeliharaan, pemuliharaan dan peningkatan kawasan sumber makanan negara untuk mencapai Kadar Sara Diri (SSR) dan menjamin sekuriti makanan negara menjelang tahun 2040. Pematuhan dan pemakaian perlu dibuat dalam perkara-perkara berikut:

- i. Setiap agensi menerima pakai dan melaksanakan strategi, tindakan dan inisiatif yang dicadangkan dalam dokumen KAGUMN;
- ii. Memperincikan pelan konsep dan pelan induk guna tanah KAGUMN, termasuk unjuran dan sasaran ke dalam tindakan yang lebih terperinci bagi setiap komoditi / agensi terutama Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Perikanan (DOF) serta bersesuaian

dengan dasar-dasar negeri;

- iii. Pihak Berkuasa Negeri dan PBT menterjemahkan pelan konsep dan pelan induk guna tanah KAGUMN ke dalam Rancangan Pemajuan;
- iv. Menjadikan pemantauan dan pelaporan cadangan dan sasaran KAGUMN sebagai agenda dalam mana-mana Jawatankuasa yang bersesuaian di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah; dan
- v. PLANMalaysia menjalankan sebaran dan menyediakan Brief Projek (Pelan Induk, Strategi, Tindakan dan Inisiatif) mengikut agensi berkepentingan dan negeri.

8. Ini adalah selaras dengan fungsi Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) sebagai Majlis tertinggi yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal perancangan bandar dan desa di peringkat persekutuan. Ia juga selaras dengan fungsi Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) merangkap Setiausaha MPFN seperti mana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 2B (1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] yang bertanggungjawab untuk menjalankan dan menyelaras penyelidikan berkaitan dengan aspek perancangan bandar dan desa serta menyiarkan laporan atau terbitan lain yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa.

## **TARIKH KUAT KUASA**

9. Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

## **PERTANYAAN**

10. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada:

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Blok F5, Kompleks F, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 PUTRAJAYA  
(u.p.: Bahagian Perancangan Wilayah)  
No. Tel.: 03 8091 0008 / 0096

## **PENUTUP**

11. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua jabatan dan agensi peringkat Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan PLANMalaysia Negeri di Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Kelantan, Terengganu, Johor, Wilayah Persekutuan Labuan serta semua agensi teknikal peringkat negeri dan pemegang taruh (*stakeholders*) berkaitan untuk rujukan dan tindakan sewajarnya.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK WIRA DR. ALIAS BIN RAMELI)**

**24 Mei 2024**

- s.k
- i. Yang Berhormat Menteri KPKT.
  - ii. YBhg. Datuk Wira KSU KPKT.
  - iii. Semua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri (PLANMalaysia Negeri) berkaitan.
  - iv. Semua Pengarah Bahagian, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) berkaitan.
  - v. Semua Pengarah Pejabat Projek Zon, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) berkaitan.

**PELAN INDUK PERANCANGAN GUNA TANAH KAWASAN SUMBER MAKANAN NEGARA (KAGUMN) boleh dimuat turut melalui QR Code berikut:**



Draf Laporan KAGUMN

**Nota:**

**Sebarang pertanyaan berkenaan dokumen Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN), sila hubungi pegawai PLANMalaysia seperti berikut:**

**Encik Zaifulzahri bin Kamde**

Pengarah

Bahagian Perancangan Wilayah

No. Tel.: 03-8091 0008 / 019-355 8583

Emel : zaifulzahri@planmalaysia.gov.my

**TPr Dr. Mohamad Sabri bin Ahmad**

Timbalan Pengarah

Bahagian Perancangan Wilayah

No. Tel.: 03-8091 0085 / 019-514 2280

Emel : sabri@planmalaysia.gov.my